



# BAHASA POLITIK ATAU POLITIK BAHASA?

**TERDAPAT** hubungan yang erat antara politik dengan bahasa. Bahasa yang digunakan oleh ahli politik bukan sahaja memberikan kesan tertentu terhadap mesej yang disampaikan melalui wacana yang diujarkan, tetapi dapat membentuk persepsi dan imej tertentu terhadap pemimpin politik berkenaan.

DARI segi komunikasi, wacana politik tidak dapat dipisahkan dengan bahasa. Dalam kehidupan politik terutama dalam media sosial yang begitu berpengaruh, pemimpin politik perlu prihatin terhadap bahasa yang digunakan. Bahasa dipergunakan sebagai alat dan wadah dalam komunikasi politik. Sama seperti pisau, bahasa dapat digunakan untuk mengukir buah fikiran dengan cara yang indah dan berkesan atau mendatangkan kesan memudaratkan kepada penutur dan khalayaknya.

Pemimpin politik harus sedar akan kuasa bahasa. Bahasa dapat menghidupkan kerjaya politik atau membunuhnya. Terdapat ahli politik yang disanjung tinggi dan melonjakkan reputasinya disebabkan dia pandai menggunakan bahasa. Bahasa yang digunakan bukan sahaja sesuai dan berkesan dengan isu dan persoalan yang diperkatakan, tetapi juga tidak menyinggung perasaan khalayak dan pengundi.

Bukan tidak ada ahli politik di negara kita yang sewenang-weangnya menggunakan bahasa, termasuk bahasa kesat apabila cuba menangkis hujah lawan. Ahli politik sedemikian bagai tidak sedar akan kesan perkataan, ungkapan dan ayat yang digunakan. Mereka bagai lupa akan peribahasa Melayu, terlanjur perahu dapat diundur, terlanjur kata buruk padahnya.

Persoalannya, sejauh manakah bahasa orang politik mempengaruhi pemikiran rakyat? Adakah "cakap" orang politik sekadar retorik terutamanya menjelang pilihan raya? Bagaimanakah bahasa orang politik yang paling ideal?

Dalam apa-apa keadaan pun, orang politik perlu sedar bahawa bahasa bukan sekadar alat untuk menyampaikan mesej dan membentuk pemikiran dan mempengaruhi rakyat dan pengundi terutama ketika berkempen menjelang pilihan raya. Sebaliknya, mereka perlu sedar bahawa imej dan kredibiliti atau etos mereka dibentuk turut bergantung pada bahasa yang digunakan ketika mengujarkan pendapat. Kata-kata yang diucapkan baik melalui ucapan, sidang media mahupun wawancara dalam bentuk kutipan dan suara dalam berita televisyen atau radio, secara perlahan-lahan akan menentukan buruk baik pandangan rakyat dan pengundi terhadap seseorang pemimpin politik.

Selain dapat menentukan sama ada seseorang itu pandai ataupun tidak, turut ditentukan oleh keupayaannya menggunakan bahasa. Sudah tentu pemimpin dan ahli politik yang komunikatif dan mampu mengungkapkan dirinya dengan baik dan berkesan, akan membantu melonjakkan wibawanya. Dia ditanggapi sebagai pemimpin yang pintar dan fasih berbahasa. Sebaliknya, bayangkan seseorang pemimpin yang tergagap-gagap untuk mengungkapkan buah fikirannya kerana dengan penggunaan bahasa yang tidak fasih, lemah, dengan perkataan dan ayat yang tidak betul, sudah tentu kesannya tidak sama.

Setiap ahli politik berusaha untuk memastikan apa-apa yang disampaikan diterima dengan baik oleh rakyat dan pengundi lebih-lebih lagi ketika berkempen dan menjelang pilihan raya yang akan menentukan nasibnya. Di dunia Barat, ada pakar dan penasihat, termasuk penulis teks ucapan bagi membantu pemimpin politik membina imej dan wibawanya. Sudah tentu bahasa persuasif diperlukan untuk meyakinkan rakyat bagi memastikan kenyataan, hujahan dan pandangannya diterima. Kini, dengan kadar celik huruf dan celik politik yang semakin meningkat, ekoran peningkatan taraf pendidikan rakyat, keperluan untuk menggunakan bahasa yang sesuai dan meyakinkan amat penting. Kalau tidak, ahli politik berkenaan akan bercakap bagai menyiram air di daun keladi. Kata-katanya tidak akan diambil serius dan tidak akan meninggalkan kesan yang dihasratkan. Hal ini tentu merugikan pemimpin politik berkenaan sedangkan agenda dan hasratnya adalah untuk memastikan dia mendapat sokongan dan menang dalam pemilihan.

Seyogianya diingatkan, bahasa ialah wadah yang menyampaikan pemikiran, perasaan dan keinginan. Setiap yang diujarkan mempunyai tujuan, sama ada untuk memberitahu, mendidik, meyakinkan ataupun mempengaruhi orang lain. Bahasa politik dapat disampaikan secara tersurat atau tersirat, secara langsung atau tidak langsung,

Setiap ahli politik berusaha untuk memastikan apa-apa yang disampaikan diterima dengan baik oleh rakyat dan pengundi lebih-lebih lagi ketika berkempen dan menjelang pilihan raya yang akan menentukan nasibnya.

secara abstrak akasu disamarkan. Terpulang kepada ahli politik untuk memilih, bahasa yang bagaimana yang hendak digunakannya. Setiap satu tentu punya tujuan dan kesannya tersendiri, dan tidak sesuai digunakan dalam semua keadaan.

Sama ada seorang ahli politik itu dapat mempengaruhi pemikiran dan pendirian khalayak, rakyat dan pengundi atau tidak bergantung pada etos atau wibawanya. Etos ditentukan oleh kelayakan akademik, nama baik, kepakaran, kemahiran, ilmu, pengalaman dan ketokohan. Ahli politik yang ditanggapi mempunyai kewibawaan kerana memiliki integriti dan bersikap amanah, tentu akan mudah diterima ujaran dan kata-katanya berbanding dengan yang terpalit dengan pelbagai isu dan masalah.

Dari segi komunikasi politik, seseorang pemimpin politik yang memiliki ilmu dan berkelayakan dan pengalaman sudah tentu lebih dihormati dan dipercayai berbanding dengan yang

tidak. Bagaimanakah misalnya mereka yang lebih berpengalaman, berilmu dan berusia dapat diyakinkan oleh seorang menteri yang masih hijau lagi dari segi usia dan pengalaman walaupun mungkin dia mempunyai kelulusan universiti. Sebelum ini, kita sudah melihat menteri tertentu diperlekeh dan terjejas imejnya kerana faktor berkenaan. Dunia politik bukan untuk mereka yang dipersepsi sebagai tidak berpengalaman, tidak berkelayakan dan tidak berilmu pengetahuan. Keadaan menjadi lebih buruk lagi ketika rakyat berasa diri mereka lebih pintar dan lebih tahu daripada para pemimpin.

Itulah sebabnya dalam ilmu komunikasi politik, aspek logas amat penting diberikan perhatian ketika ahli politik berbicara atau menyampaikan ucapan. Logos merujuk dalil-dalil untuk menyokong hujah dan kenyataan agar kenyataan tidak bersifat satu generalisasi atau pengitlakan. Kenyataan dan hujah yang didukung dalil atau logos sudah pasti lebih meyakinkan dan dipercayai, termasuk ketika pemimpin menyampaikan ucapan, menjawab soalan wartawan dan sebagainya. Antara aspek logos yang dapat dimanfaatkan untuk melonjakkan wibawa dan imej ahli politik, dan seterusnya mampu membentuk dan mempengaruhi pemikiran khalayak dan rakyat ialah statistik, anekdot, testimoni, kutipan, analogi, contoh, ilustrasi dan kata hikmah.

Satu lagi aspek penting dalam komunikasi politik yang berkaitan dengan bahasa ialah penggunaan unsur atau teknik retorik. Retorik tidak harus diertikan. Maksud retorik yang sebenarnya merujuk elemen atau unsur bahasa yang dimanipulasikan oleh pengguna bahasa, termasuk ahli politik untuk memastikan tujuannya tercapai. Terdapat sekitar 20 teknik retorik yang dapat dimanfaatkan. Antara unsur dan teknik retorik yang dapat dimanipulasikan demi keberkesanan komunikasi ialah "triad", ungkapan tiga serangkai, peribahasa, soalan retorik, soalan dengan jawapan, inversi, aliterasi, kiasmus, hiperbola, perbandingan dan metafora.

Sesungguhnya, di tangan ahli politik yang mahir dan pintar serta sedar akan potensi dan kemungkinan bahasa, bahasa dapat dimanipulasi, dieksploitasi dan direkayasa. Implikasinya, makna dan kesan yang dimunculkan melalui bahasa yang digunakan bukan sekadar alat, tetapi lebih kepada sebagai senjata yang berguna untuk memastikan kemenangan diri dan kekalahan lawan dalam pertarungan wacana dan ideologi.

Maksudnya, bahasa ialah alat untuk mengemukakan wacana dan wacana tandingan yang ampuh dalam politik. Bahasa tertentu sering digunakan oleh ahli politik untuk menyerang lawan atau musuh politik. Kita banyak menyaksikan bahasa sedemikian ketika dua pemimpin politik daripada blok yang berlawanan berucap di Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri atau ketika berceramah semasa berkempen. Mereka menggunakan bahasa propaganda dan teknik propaganda dengan tujuan untuk mencalarakan imej lawan dan melonjakkan imej diri atau parti yang diwakili. Mereka yang dapat menguasai teknik propaganda dengan menyulangkannya melalui bahasa yang sesuai tentu akan dapat mempengaruhi pemikiran rakyat dengan lebih baik berbanding dengan mereka yang jahil tentang teknik berkenaan. Propaganda merupakan seni permainan kata dalam berkomunikasi yang disebarikan secara sistematik serta teknik yang matang

**Bahasa pengundi mampu diterjemahkan menerusi pemuangan undi pilihan raya.**

dan berkesan melalui pelbagai alat komunikasi untuk mempengaruhi dan membentuk pendapat, sikap dan tingkah laku khalayak yang menjadi sasaran.

Bahasa propaganda digunakan untuk menyemai kebencian dan tanggapan negatif terhadap orang yang dituju dan pada masa yang sama menaikkan imej diri dan parti yang diwakili. Dengan kata lain, bahasa dan teknik propaganda dilakukan bagi mencemarkan dan merosakkan nama baik dan harga diri orang lain dengan tujuan akhir untuk menguntungkan dirinya. Ketika mengujarkan fikiran, bukan tidak pernah kita melihat pelbagai label negatif dan kata kesat, menyakiti orang, meleceh lawan dan menyinggung perasaan digunakan sehingga menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan mereka yang mendengarnya. Mereka ini tidak pula berasa segan, malu atau bersalah, malah bangga pula. Ini bukan contoh bahasa yang baik untuk digunakan kerana perbuatan ini memberikan kesan buruk kepada khalayak. Begitukah bahasa ahli politik ketika mereka berhujah dan berucap? Tentu bahasa ini tidak sesuai dilihat dan diteladani oleh generasi muda yang sepatutnya diajar menggunakan bahasa yang tepat, halus dan bersopan walaupun ketika berdebat dan berbahas. Ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya kalau menggunakan bahasa halus tetapi tajam menikam.

Wacana yang dimanipulasikan dengan baik dengan menerokai segala kemungkinan bahasa mampu berfungsi sebagai satu pernyataan, pertanyaan, tuduhan atau ancaman, tertakluk pada unsur bahasa itu diterapkan sebagai strategi skematik dalam pengolahan wacana berkenaan. Keberkesanan wacana tandingan ketika membalas hujah lawan juga bergantung pada kepintaran menggunakan pelbagai teknik ucapan dan retorik.

Justeru, ahli politik perlu menggunakan bahasa yang sesuai, tepat, baku dari segi tatabahasa, serta mampu menyampaikan fikiran

dengan jelas dan berkesan. Dia harus menguasai unsur bahasa yang sesuai untuk mengungkapkan buah fikiran, pandangan dan komennya tentang sesuatu isu.

Politik tidak hanya semata-mata pertarungan kekuatan, tetapi seni mengolah kekuatan sendiri atau pihak lain. Justeru, kemampuan berbahasa sangat penting dalam berkomunikasi terutamanya ketika berdepan dengan pengundi dan rakyat semasa berkempen.

Mereka yang memiliki kekuasaan selalu membangunkan bahasanya sendiri untuk mempertahankan dan memperbesar kekuasaannya. Bahasa merupakan sarana untuk menyelesaikan konflik, namun bahasa juga dapat mencetuskan konflik. Konflik sering timbul disebabkan penggunaan bahasa yang tidak sesuai. Bahasa kesat dan bersifat menyerang dan mencetuskan kemarahan di pihak lain dapat menimbulkan konflik yang berkesudahan dengan kesan negatif kepada masyarakat. Ahli politik perlu mengelak daripada menggunakan bahasa yang dapat mencetuskan konflik, ketegangan dan permusuhan dalam kalangan rakyat dan penyokong lebih-lebih lagi dalam negara berbilang kaum, agama dan budaya seperti di Malaysia.

Dalam masalah ini penggunaan bahasa dalam berpolitik memerlukan seni dan kepintaran tersendiri agar dapat mendatangkan kesan yang dihasratkan. Kesan dan implikasi kepada khalayak, masyarakat dan negara perlu diambil kira ketika ahli politik berbahasa, dan bukannya bersikap lepas cakap dan sedap mulut.

Politik itu sendiri merupakan suatu permainan dalam pertarungan. Pertarungan itu dapat berakhir dengan kemenangan atau kekalahan. Mereka yang berwibawa dan pintar menggunakan bahasa, besar kemungkinan akan berakhir dengan kemenangan. Kemenangan membawa bersama-sama kuasa dan ganjaran lain. Dalam pertarungan ini pelaku harus pandai memainkan peranannya. Bermain dengan menggunakan bahasa yang tepat, jelas, mudah, sesuai dengan



Bahasa yang digunakan semasa berkempen cuba mempengaruhi sokongan rakyat.

tahap khalayak untuk mencapai tujuan, iaitu kemenangan. Bahasa yang digunakan hendaklah berkesan kerana tujuan akhir ialah pemahaman khalayak, dan keupayaan untuk membujuk dan mempengaruhi mereka. Bahasa pada akhirnya difahami sebagai ruang mencetuskan konflik dengan berbagai-bagai kepentingan, kekuatan, proses hegemoni dan hegemoni tandingan berlaku.

Bahasa politik tidak mementingkan hakikat fakta tetapi lebih mementingkan implikasi daripada ujaran atau pernyataan. Ahli politik perlu sedar bahawa tindakan bahasa terdiri daripada tiga hal, iaitu tindakan lokusi, iaitu apa-apa yang diucapkan penutur; tindakan ilokusi, iaitu makna atau erti di balik sesuatu pernyataan atau ujaran; dan tindakan perlokusi, iaitu kesan atau dampak daripada apa-apa yang diucapkan oleh penutur. Bahasa politik lebih mementingkan tindakan perlokusi, iaitu dampak daripada ujaran atau ucapan.

Dalam hal ini sikap kritis dan analitis sangat dituntut untuk memahami bahasa politik. Khalayak tidak harus menelan bulat-bulat apa-apa yang diujarkan oleh ahli politik. Sebaliknya, khalayak atau rakyat perlu menilai dengan kepala dingin dan rasional apa-apa yang diujarkan bagi mengelakkan mereka terperangkap dalam jaring pedaya atau propaganda ahli politik yang memang mempunyai agenda

dan motif tersirat dan terselubung ketika berbicara di pentas politik. Bahasa politik mungkin dapat difahami apabila kita meneliti peribahasa Perancis, iaitu bahasa diberikan kepada manusia untuk menyembunyikan fikirannya. Implikasinya, kita perlu lebih berhati-hati ketika mendengar atau membaca kenyataan ahli politik. Mereka bukan sahaja menggunakan bahasa untuk menyampaikan fikiran tetapi menyembunyikan fikiran untuk menjaga kepentingan dan imej diri dan parti.

Sebagai khalayak kita perlu ingat bahawa bahasa politik mengandungi empat argumentasi. Pertama, tafsiran tepat. Rakyat sebagai khalayak sasaran harus mentafsirkan bahawa apa-apa yang dinyatakan penutur selalu benar. Yang kedua, kekecualian bahawa apa-apa yang diujarkan harus diterima oleh khalayak sebagai kekecualian yang sudah benar dan tidak perlu dikritis. Yang ketiga, chauvinisme yang diajukan bukan fakta kebenaran, tetapi maksud atau tujuan yang sesekali kelihatan angkuh. Yang keempat, persekitaran kognitif terkawal. Maksudnya, premis daripada wacana politik bukan memberikan pesanan melainkan menciptakan lingkungan kognitif bagi pendengar agar memiliki tafsiran seperti yang telah direkayasa.

Sesungguhnya, peranan bahasa sangat penting sebagai wadah komunikasi untuk meyakinkan,

mengambil hati, menarik simpati agar rakyat memberikan suaranya kepada pemimpin atau calon yang bertanding. Bahasa memiliki fungsi persuasif dan fungsi mengancam. Bahasa menjalankan fungsi persuasif jika alat itu digunakan untuk mempengaruhi fikiran dan mengubah sikap audiens seperti yang dihasratkan. Bahasa yang digunakan dalam pidato, ceramah, kempen merupakan selubung bagi suatu kepentingan.

Penutur harus pintar memanipulasikan pelbagai elemen dan teknik bahasa yang dapat mempengaruhi fikiran serta tingkah laku rakyat dan pengundi yang menjadi sasaran komunikasinya. Keberkesanan menggunakan bahasa dalam kalangan ahli politik dapat mengukuhkan etos dan wibawanya serta menyampaikan mesej dan fikirannya dengan lebih baik sehingga akhirnya dapat mempengaruhi pengundi dan khalayak. Malah, keberkesanan penggunaan bahasa politik melalui teknik komunikasi politik yang ampuh akan mengukuhkan hegemoni dan kuasanya, sekali gus melemahkan lawan dan musuh politiknya dalam usaha mengukuhkan kedudukannya di persada politik negara. Ternyata, bahasa ialah senjata tajam yang dapat digunakan untuk mempertahankan diri dan melawan musuh. Senjata berkenaan perlu dimanfaatkan sebaik mungkin untuk kepentingan diri, parti dan rakyat. **PB**